

D906

5 5217 DE5  
MAHATHIR - ISLAM

JITRA, 10 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI  
INI BERKATA, TAFSIRAN MENGENAI ISLAM HENDAKLAH DIBUAT SECARA  
BERHATI-HATI SUPAYA TIDAK MENGELIRUKAN UMAT ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, UMAT ISLAM HENDAKLAH JANGAN TERPENGARUH  
DENGAN GOLONGAN YANG MENTAFSIRKAN ISLAM MENGIKUT PANDANGAN  
MADING-MADING YANG BERCANGGAH DARIPADA AJARAN ISLAM YANG SEBENAR.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS KEFAHAMAN ISLAM DI MASJID  
AL-ABSA DISINI, BELIAU BERKATA, UMAT ISLAM DI NEGARA INI HARUSLAH  
MENGHINDARI AJARAN-AJARAN SESAT SEPERTI BEBERAPA AJARAN TARIKAT YANG  
BOLEH MENGELIRUKAN MASYARAKAT ISLAM.

BELIAU MEMBERI CONTOH TINDAKAN SEKUMPULAN PENGANUT AJARAN SESAT  
YANG MENYERANG BALAI POLIS DIBATUPAHAT SUATU KETIKA DULU KERANA  
MEMPERCAYAI PERBUATAN MEREKA MERUPAKAN AJARAN ISLAM YANG BETUL.

KATANYA, MEMANG ADA GOLONGAN YANG KURANG PUAS HATI DAN MENDAKWA  
KERAJAAN TIDAK MENJALANKAN PENTADBIRAN ISLAM SEPENUHNYA DI NEGARA  
INI. -- LAGI

1250MST 10 12 87

D910

B B118 DEB  
MAHATHIR - ISLAM 2 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM HARUSLAH SEDAR BAHAWA  
PENDUDUK NEGARA INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA DAN  
OLEH ITU, PENTADBIRAN ISLAM HENDAKLAH JANGAN DILAKSANAKAN SECARA  
GOPOH-GAPAH.

+KITA JANGAN TIMBULKAN SUASANA MEMAKSA ORANG-ORANG LAIN MENGIKUT  
KEHENDAK ISLAM KERANA AJARAN ISLAM YANG SEBENAR ADALAH SEDERHANA,+  
KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, UMAT ISLAM DI NEGARA INI HARUSLAH  
BERSYUKUR KERANA WALAUPUN BERJUMLAH LEBIH SEDIKIT 50 PERATUS, MEREKA  
MEMPUNYAI KUASA MENTADBIR NEGARA.

KATANYA, UMAT ISLAM MAHUKAN KUASA ITU BUKAN DENGAN NIAT UNTUK  
MENINDAS ORANG-ORANG BUKAN ISLAM ATAU MENYALAHGUNAKANNYA TETAPI  
BERTUJUAN MEMBERI KEADILAN KEPADA SEMUA PENGANUT PELBAGAI AGAMA DI  
NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATI ORANG-ORANG BUKAN ISLAM  
SUPAYA JANGAN BIMBANG DENGAN USAHA-USAHA KERAJAAN MENGEMBANGKAN  
SYIAH ISLAM. -- LAGI

1318MST 10 12 87

D916

5 B120 DE5  
MAHATHIR - ISLAM 3 JITRA

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR, DATUK SERI  
HAJI OSMANAROFF @ AN Pengerusi Yayasan Dakwah Islam Malaysia 9 DATUK  
SERI HAJI KAMARUDDIN MOHAMED ISA.

KIRA-KIRA 1,000 ORANG IMAM, GURU AGAMA DAN PEMIMPIN MASYARAKAT  
MENGIKUTI KURSUS ITU.

DATUK SERI OR MAHATHIR KEMUDIAN MELAWAT KAMPUS UNIVERSITI UTARA:  
MALAYSIA (UUM) DITANJUNG PAUH. -- BERNAMA

1328MST 10 12 67